

02 MAR 1998

Umno-pecat

UMNO PECAT SEMBILAN ANGGOTA

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO malam ini memecat tujuh anggota parti kerana membantu pembangkang pada satu pilihan raya kecil dan dua lagi kerana masih aktif walaupun keanggotaan mereka telah digantung.

Pemecatan itu diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Pengerusi Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan parti selepas mesyuarat MT di sini. Mesyuarat dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka yang dipecat kerana membantu pembangkang pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kawasan Sungai Bakap pada November tahun lepas ialah Che Mat Senawi, Mohamad Asri Daros, Abas Daros, Abdul Rahman Mat, Hamzah Osman, Abdul Aziz Haji Hashim dan Yaman Yusoff @ Mohd Yusof.

Dua lain yang dipecat ialah anggota yang telah digantung keahlian kerana politik wang tetapi masih bergerak cergas dalam aktiviti parti di UMNO Bahagian Jempol. Mereka ialah Hairuddin Tamby dan Salim Shariff.

Anwar juga mengumumkan penggantungan lima anggota parti, dua daripadanya kerana membantu pihak lawan dalam pilihan raya di Sungai Bakap dan tiga lagi kerana menimbulkan kekecohan pada mesyuarat cawangan baru-baru ini.

Mereka yang digantung keanggotaan kerana menimbulkan kekecohan ialah Mohamad bin Yusof dan Rahman Ahmad daripada cawangan UMNO Permatang Pasir dalam bahagian Kota Melaka dan Mohd Said bin Mat dari cawangan Mak Mandin dalam Bahagian Bagan di Pulau Pinang. Dua yang dikenakan tindakan kerana membantu pihak lawan pada pilihan raya kecil Sungai Bakap ialah Mohamad Che In dan Mohamad Nor Haron.

Anwar berkata Majlis Tertinggi bersetuju dengan keputusan Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan untuk melucut hak keahlian Ketua UMNO Bahagian Kubang Kerian, Mat Zin Awang kerana enggan menerima permohonan ahli baru daripada kalangan anggota bekas parti Melayu Semangat 46.

Mesyuarat juga membuat keputusan meletakkan enam lagi Bahagian UMNO di bawah pengawasan anggota MT untuk menguruskan persidangan perwakilan masing-masing.

Bahagian-bahagian itu ialah Teluk Intan (Datuk Dr Abdul Hamid Othman), Dungun (Datuk Mohamad Ali Rustam), Segamat (Tan Sri Khalil Yaakob), Bandau (Tan Sri Ramli Ngah Talib), Bakri (Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad) dan Bandar tun Razak (Datuk Abu Hassan Omar).

Sebelum ini sebanyak 21 bahagian diletakkan di bawah pengawasan anggota MT kerana dikhuatiri akan berlaku perkara-perkara yang tidak diingini semasa persidangan bahagian.

Anwar juga berkata MT bersetuju bahawa Bahagian UMNO tidak dibenar menubuhkan urusetia, biro atau jawatankuasa khas pergerakan Pemuda dan Wanita.

"Kalau ada sebarang pertikaian mengenai kedua-dua pergerakan itu, ia hendaklah dirujuk kepada bahagian, badan perhubungan umno negeri atau ibu pejabat parti," katanya. --BERNAMA

SJA ARA MAI